



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID

**TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN
PROGRAM INISIATIF PENDIGITALAN SEKTOR PERUNCITAN
(*RETAIL DIGITALISATION INISIATIVE – ReDI*)
PERINGKAT NEGERI PERLIS**

PADA

29 JUN 2022 (RABU) – 8.30 MALAM

TEMPAT

***BRASMANA FOODTRUCK & FLEA MARKET,*
HOTEL PUTRA BRASMANA KUALA PERLIS,
PERLIS**

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia,

Yang Berusaha Dr. Faizal bin Kamarudin

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Perlis

Yang Berusaha Tuan Muhamad Hanif bin Asa'ari

Pengarah

Sekretariat Perdagangan Penedaran dan Industri Perkhidmatan

Yang Berusaha Puan Norazah binti Jaapar

Pengarah, KPDNHEP Perlis

Yang Berusaha Tuan Norazlan Bin Yahaya

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar

Yang Berusaha Puan Hasjun binti Hashim

Ketua Pejabat Bank Negara Malaysia Pulau Pinang

Yang Berusaha Tuan Norsiake bin Kassim

Pengurus Besar

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis

Pengarah/ Pegawai Kanan Kementerian dan Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri Perlis

Wakil penyedia e-wallet dan wakil peniaga Perlis, Wakil-wakil media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

PENDAHULUAN

1. Syukur kepada Tuhan kerana kita semua dapat berkumpul bagi menjayakan **Majlis Pelancaran Program Utama Kementerian** iaitu **Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) Peringkat Negeri Perlis** pada hari ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada **Yang Berusaha Dr. Faizal bin Kamarudin, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Negeri Perlis** serta **seluruh kepimpinan Negeri Perlis** yang sudi berkerjasama bersama KPDNHEP dalam majlis yang diadakan pada hari ini.
3. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada **Bank Negara Malaysia** dan penyedia kemudahan *e-wallet* iaitu **Maybank, Boost, Touch & Go dan Grabpay**, yang sudi bersama-sama kita pada hari ini.
4. Tidak boleh tidak saya lupakan kepada seluruh **kepimpinan dan semua peniaga di sekitar Perlis** kerana merekalah yang merupakan harapan kerajaan untuk memastikan penerimaan agenda digitalisasi nasional dan segmen jualan murah yang sedang rancak digerakkan pada masa ini.

Terima kasih semua

Keluarga Malaysia yang dihormati sekalian,

5. Untuk makluman semua, Pada 19 Februari 2021, **YAB Perdana Menteri telah melancarkan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL).**
6. Antara lain sasaran MyDIGITAL adalah memastikan **875,000 perusahaan micro, kecil dan sederhana** menerima e-dagang, memberi peluang **500,000 peluang perniagaan** serta akan memberi sumbangan sebanyak **22.6% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2025.**
7. Berdasarkan rekod Jabatan Perangkaan Malaysia, pendapatan transaksi e-dagang melonjak hingga **30%** iaitu bersamaan **RM254.6 bilion** pada **suku pertama tahun 2021** sahaja.
8. Negara-negara di rantau Asia Tenggara kini sedang berada pada puncak fasa revolusi kewangan di mana kira-kira **49%** daripada penduduk bandar telah pun mengaplikasikan perkhidmatan *e-wallet*, dan jumlah ini diunjur akan mencecah **84% menjelang 2025.**
9. Di Malaysia sahaja, penggunaan *e-wallet* telah meningkat sebanyak **131% kepada melebihi 600 juta transaksi pada tahun 2020**, berbanding tahun sebelumnya.
10. Menurut **Laporan Paynett 2022** yang dikeluarkan baru-baru ini, **peratusan rakyat Malaysia menggunakan wang tunai untuk pembayaran telah menurun kepada 11%** iaitu 78% berbanding sebelum pandemik iaitu 89%. Statistik ini menunjukkan bahawa digitalisasi pembayaran secara *cashless* telah mula diterima pakai dan dijangka akan menjadi pembudayaan rakyat dalam tempoh akan datang.

11. Dalam konteks ini, KPDNHEP telah menggerakkan susun kerja dalam memastikan agenda digitalisasi menjadi objektif utama sektor peruncitan. Inisiatif ini antara lain bertujuan merealisasikan aspirasi Malaysia dalam mewujudkan masyarakat tanpa tunai menerusi penggunaan kaedah pembayaran elektronik atau e-pembayaran.
12. Inisiatif ini bukan sahaja dapat mengurangkan kebergantungan kepada wang tunai, malah memberi pelbagai **manfaat kepada pengguna dan peniaga dalam tiga (3) aspek iaitu MUDAH, CEPAT DAN SELAMAT.**
13. Tumpuan utama Kementerian adalah keperluan bagi **peniaga di peringkat mikro dan kecil dapat menerima serta mengguna pakai e-wallet.** Pendekatan secara *Cashless* ini merupakan wadah utama kerana ia memberi manfaat kepada peniaga mikro dan kecil tambahan pula dengan situasi pandemik pada masa ini yang mengalakkan transaksi tanpa tunai.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Sehubungan dengan itu, pada 6 April 2021 yang lalu, Kementerian telahpun melancarkan **Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan atau *Retails Digitalisation Initiative (ReDI)*** yang bertujuan untuk memastikan peniaga kecil ini tidak terus ketinggalan di dalam arus perdana dan bersama-sama dalam melibatkan diri menerusi model baharu perniagaan secara digital.
15. Menerusi pelaksanaan Program ReDI ini juga Kementerian berharap dengan kolaborasi strategik bersama dengan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta setiap KPDNHEP Negeri akan

mensasarkan **100 peniaga (setiap PBT)** akan menyertai Program ReDI menjelang akhir 2025.

16. Sekiranya ini dapat dilaksanakan, Kementerian yakin sasaran sebanyak **15,000 peniaga dalam kategori di seluruh negara** ini akan menerima manfaat dan turut serta dalam memberi pilihan kepada pengguna.
17. Saya dimaklumkan berkaitan inisiatif Kerajaan Negeri sedia ada (*ewallet*) dan **ucapan tahniah saya rakamkan kepada Kerajaan Negeri yang mempunyai wawasan untuk meningkatkan proses digitalisasi** ini. KPDNHEP sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri, khususnya untuk mempercepatkan (*accelerate*) penggunaan *ewallet* di sini.
18. Justeru, pelaksanaan **ReDI di Perlis** yang dilancarkan pada hari ini sangat penting kerana ia akan memberi satu momentum kepada agenda digitalisasi negara terutama untuk pemain industri sektor peruncitan untuk sama-sama mengambil peluang berkongsi kek ekonomi yang disediakan Kerajaan. Dengan tema **KUALA PERLIS GO CASHLESS**, Insya Allah kita menyasarkan 200 peniaga di sekitar ini akan berdaftar dengan penyedia *ewallet* terpilih.
19. Kerjasama **Kerajaan Negeri Perlis dan Majlis Perbandaran Kangar (MPK) bersama Kementerian** pada hari ini adalah merupakan satu **inisiatif yang sangat dihargai** dimana ianya merupakan titik tolak bagi memberikan peluang kepada peniaga untuk berkembang dengan lebih maju seiring kemajuan terkini.

20. Selain itu, bagi menyokong pelaksanaan ReDI ini juga, Kementerian juga bersetuju untuk menyalurkan peruntukan sebanyak **RM30,000** bagi melaksanakan program insentif baru kepada peniaga dan pengguna secara tanpa tunai di Perlis ini.
21. Sumbangan ini diharapkan dapat memberi **galakan kepada peniaga dan pengguna untuk menggunakan medium arus perkembangan teknologi semasa**. Disamping akan melonjakkan lagi penggunaan *ewallet* termasuk memberi impak secara terus kepada penerima manfaat yang telah dikenalpasti.
22. Selain pelancaran ReDI pada hari ini, program yang berbentuk ***supplement dan compliment*** seperti inilah dijangka akan membantu lagi Kementerian dalam merencanakan lagi program digitalisasi, pada masa yang sama mengalakkan rakyat berbelanja di Perlis ini.
23. Ini diharap akan dapat melonjakkan lagi penggunaan *e-wallet* termasuk memberi impak secara terus kepada pengguna dan peniaga sekaligus membantu untuk ***boost up*** kembali perniagaan mereka.
24. Pada masa yang sama, Kementerian juga meneruskan **Kempen Pembudayaan Norma Baharu Sektor Peruncitan** bertempat di **Dataran Flea Market** ini. Di antara langkah yang akan digunakan dalam kempen ini ialah melalui pemasangan **Sistem Ulang Siar Digital**.
25. Sistem ini adalah salah satu strategi bagi memudahkan semua pihak menerima maklumat dengan pantas dan mudah. Kementerian juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama daripada **Kerajaan Negeri Perlis dan Pihak Brasmana** yang memberikan sokongan yang sangat baik dalam menjayakan inisiatif ini.

26. Saya berharap, pendekatan menggunakan Sistem ini dapat memberi manfaat bukan sahaja dalam tempoh Kempen Pembudayaan Norma Baharu Sektor Peruncitan tetapi juga dalam tempoh peralihan endemik ini dengan kandungan yang bersesuaian bagi informasi orang ramai.
27. Alhamdulillah, dengan adanya program-program seperti ini ianya akan mula memberikan impak positif yang disasarkan termasuk **melonjakkan semula ekonomi setempat peniaga-peniaga yang terjejas teruk selepas pandemik Covid 19 ini.**
28. Justeru, saya menyeru semua peniaga dan pengguna supaya dapat memanfaatkan peluang serta insentif yang disediakan oleh Kementerian pada hari ini.
29. Sekali lagi, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada **Kerajaan Negeri Perlis, Bank Negara Malaysia, MPK, Peniaga dan semua pihak yang menyokong pelaksanaan program REDI ini.**
30. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan:

**“Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan
(ReDI) Peringkat Negeri Perlis”**

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP)

29 Jun 2022